

Ekosistem kewangan Islam perlu langkaui keuntungan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ekosistem kewangan Islam perlu berkembang beransur-ansur dengan memberi penekanan lebih kepada kewangan berasaskan nilai melangkaui motif berasaskan keuntungan.

Perdana Menteri berkata, penting juga disemai pemikiran bahawa kekayaan tidak hanya berlegar dalam segelintir kumpulan sahaja, sebaliknya diagihkan untuk memajukan masyarakat, selain pelaburan yang menjanjikan kesejahteraan seimbang.

Berucap pada Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) di sini, semalam beliau berkata, dengan mengambil kira perkara ini, semua pihak mesti bekerjasama untuk menangani cabaran dan mencipta peluang menyertai ekonomi dan meningkatkan status.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan prinsip ekonomi dan kewangan Islam, mala semakin relevan untuk menyelesaikan cabaran dihadapi dunia semasa tempoh ketidak-tentuan global.

Beliau berkata, ini termasuk membasmi kemiskinan yang teruk, memastikan jaminan makanan dan membolehkan peluang sama rata kepada pendidikan menyeluruh.

“Inilah sebabnya mengapa kita perlu memulakan ‘ishlah’ holistik, agenda reformasi untuk perubahan positif dan dorongan untuk kebaikan dalam ekonomi global,” katanya.

Dalam konteks Malaysia, beliau berkata dengan Rangka Kerja Ekonomi MADANI, kerajaan berusaha memberi tumpuan kepada pembangunan bertamadun.

“Bermula isu tadbir urus, salah satu kelemahan yang saya perhatikan ialah tadbir urus yang lemah dalam masyarakat kita, toleransi terhadap rasuah dan salah guna kuasa, memperkayakan golongan elit yang berkuasa, dan merampas hak orang ramai daripada tempat yang sewajarnya dalam masyarakat.

“Jadi kami sudah mengambil langkah di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI dan saya mesti berterima kasih kepada semua pemain. Bank Negara Malaysia yang memainkan peranan penting dalam hal ini, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan sekutu kami, yang menerajui usaha mempromosikan rangka kerja ekonomi baharu ini berdasarkan keadilan dan kesaksamaan,” katanya.

BERNAMA